



**GARIS PANDUAN PINDAAN DAN TAMBAHAN TERBUKA BANGUNAN
INDUSTRI DAN KOMERSIAL SEDIADA TIADA RUANG KELEGAAN
DENGAN SEMPADAN LOT**

(Diluluskan oleh Majlis Penuh Bil 540 (6/2019) pada 21.06.2019)

GARIS PANDUAN PINDAAN DAN TAMBAHAN TERBUKA BANGUNAN INDUSTRI DAN KOMERSIAL SEDIADA TIADA RUANG KELEGAAN DENGAN SEMPADAN LOT

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi kelulusan kepada pelan bangunan pindaan dan tambahan kepada bangunan industri dan komersial yang tiada ruang kelegaan dengan sempadan lot.

2.0 SYARAT – SYARAT YANG PERLU DIPATUHI

- 2.1 Garis Panduan ini akan terpakai kepada semua bangunan industri dan komersial yang terlibat dengan pindaan dan tambahan terbuka sahaja
- 2.2 Bangunan asal telah mempunyai sijil Perakuan Siap dan pematuhan (CCC) atau Sijil Kelayakan Menduduki (OC).
- 2.3 Pelan Bangunan hendaklah dikemukakan melalui Arkitek Berdaftar / Jurutera Jurutera Perunding atau Pelukis Pelan Berdaftar sahaja.
- 2.4 Pindaan dan tambahan terbuka di bahagian sisi / tepi bangunan / belakang hendaklah menyediakan anjakan sekurang-kurangnya 300 mm (0.3 meter) dari sempadan lot dengan syarat unjuran bumbung dipasang dengan talang air hujan.
- 2.5 Pindaan dan tambahan tidak menjejaskan bilangan tempat letak kereta sedia ada
- 2.6 Ketinggian maksimum untuk pindaan dan tambahan terbuka yang dibenarkan adalah diantara 4.5 meter (Minima) hingga 6.0 meter (Maksimum) sahaja dari aras tanah/jalan
- 2.7 Perlu menunaikan semua syarat teknikal bagi pindaan dan tambahan serta mematuhi Prosedur Kelulusan Pelan Pindaan Dan Tambahan
- 2.8 Bagi permohonan yang melibatkan dua (2) lot oleh pemunya yang sama, struktur pindaan dan tambahan dibenarkan diantara kedua-dua lot. Sambungan ini adalah dibenarkan untuk dua (2) lot ersebut sahaja.

3.0 TARIKH PELAKSANAAN: 01 Ogos 2019

4.0 CONTOH LAKARAN BAGI PINDAAN DAN TAMBAHAN TERBUKA BANGUNAN

